

10/05/2005

MAHATHIR-MATAWANG

DR M: K'JAAN PATUT TENTU NILAI MATAWANG, BUKAN PASRAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad berkata nilai matawang tempatan patut ditentukan oleh kerjaan dan bukan pasaran kerana pasaran tertakluk kepada manipulasi.

"(Dan) kita terpaksa menentukan (nilai) berdasarkan kepada kekuatan ekonomi kita," katanya, semasa menjawab solan daripada peserta di Persidangan CFO (ketua pegawai kewangan) 2005 bertajuk "memacu Keuntungan dalam Ekonomi Hari Ini" di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri adalah penceramah jemputan, menyampaikan ucapan khas beliau mengenai "Persyarikatan Malaysia -- Lawatan Semula", pada persidangan itu yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Ng Yen Yen.

Dr Mahathir berkata apabila kerajaan mengambil keputusan mengenai kawalan matawang dahulu, ia telah merancang apa patut dilakukan sepanjang masa untuk terus kompetitif.

Antara lain ialah dengan mengkaji turun-naik matawang-matawang jiran, sama ada mereka turun atau naik sebanyak 20 peratus.

"Untuk terus kompetitif, kita patut menimbangankan untuk menilai semula matawang kita," katanya.

Sebagai contoh, katanya dolar Amerika telah susut nilai sebanyak tiga peratus kepada Euro, sekarang diniagakan pada 130 sen AS satu Euro berbanding 80 sen AS dahulu.

Memandangkan unit tempatan ditambah kepada dolar, katanya Ringgit telah turun susut nilai berbanding Euro, pound sterling dan Yen, apabila negara-negara itu adalah negara-negara dagangan besar Malaysia.

Apabila menurun nilai atau menilai semula Ringgit, Dr Mahathir berkata kerjaan perlu memutuskan mentenai kedua-dua pro dan kontra.

Banyak faktor mestik dikaji dengan teliti oleh kerajaan kerana ekonomi negara adalah berasaskan eksport komponen-komponen barangan diimport dan barangan import itu adalah mahal di bawah nilai semasa tetapi sekiranya unit tempatan itu dikaji semula meningkat, kos komponen-komponen itu akan lebih murah.

Menjawab satu soalan daripada seorang peserta Singapura mengenai motto "Malaysia Boleh", katanya ia adalah untuk meyakinkan rakyat Malaysia yang mereka boleh buat apa yang orang lain boleh buat.

Katanya selepas 400 tahun di bawah perintah penjajah, keyakinan kebanyakan rakyat Malaysia telah berkecai kerana mereka merasakan bahawa mereka tidak boleh melakukan banyak perkara.

"Bagaimanapun, untuk maju, kita terpaksa mengatasi itu," katanya.

Ini dilakukan dengan menunjukkan mereka bahawa Malaysia pernah menjadi pengeluar getah dan timah terbesar dan semasa ia menjadi negara industri, ia menjadi pengeluar terbesar mikrochip.

Dagangannya adalah juga besar dan ia juga menjadi negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia walaupun saiz dan penduduknya kecil.

Dr Mahathir berkata perdagangan Malaysia adalah sekali ganda keluaran dalam negara kasarnya (KDNK) apabila dibandingkan dengan KDNK Jepun yang cuma 20 peratus daripada KDNKnya manakala Sumbangan Amerika Syariakt ialah 70 peratus.

Sementara itu, Yen Yen di dalam ucapan perasmiannya berkata tanggung jawab tradisi CFO menjaga imbalan kira-kira dan laporan mengenai keputusan tidak boleh lagi lebih jauh daripada realiti hari ini.

Di dalam pasaran yang begitu bersepadu dan global ini, peranan CFO

telah berkembang kepada menjadi penjaga kewangan bagi syarikat-syarikat,
dalam mengumpul wang, membentuk perancangan strategik dan mengawasi
inisiatif-inisiatif pengurusan. -- BERNAMA

SHO KTC OS